Kakitangan JPS Kelantan diarah bersiap hadapi banjir

KOTA BHARU 7 Jan. – Semua kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di negeri ini diarah bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir besar yang dijangka berlaku pada bila-bila masa ekoran hujan lebat berterusan mulai hari ini.

Pengarahnya, Ir. Lim Chow Hock berkata, hujan lebat turun secara menyeluruh sejak malam tadi menyebabkan paras air beberapa sungai utama meningkat terutama Sungai Golok di Jenob, Tanah Merah dan Sungai Kelantan di Kuala Krai dilaporkan sudah melepasi paras waspada.

Menurut beliau, setakat ini, 34 penduduk di Kampung Telekung, Kuala Krai dipindahkan awal pagi ini berikutan kampung mereka yang terletak di kawasan rendah dinaiki air.

"Kita juga bersedia sekiranya terdapat beberapa kampung di daerah yang sama akan dinaiki air khususnya di Bukit Sireh, Kampung Bedal dan Kampung Keroh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jumaat lalu, kerajaan mengeluarkan amaran berjaga-jaga kepada penduduk Kelantan dan Terengganu berikutan ramalan hujan lebat dijangka melanda kedua-dua negeri bermula hujung minggu lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dilaporkan berkata, semua agensi kerajaan juga diminta bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Tindakan itu dibuat selepas mendapat laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) yang mengatakan, Monsun Timur Laut masih lagi aktif di Laut China Selatan berhampiran perairan negara ini.

Chow Hock memberitahu, penduduk juga perlu bersedia untuk berpindah sekiranya berlaku banjir kilat khususnya di sekitar kawasan bandar Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh dan Machang.

"Antara kawasan yang telah dikenalpasti ialah kawasan Kubang Panjang di Pasir Mas, Padang Siam (Tanah Merah), Pangkal Durian (Machang) dan Kampung Abal (Pasir Puteh)," ujarnya.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Krai ketika dihubungi berkata, kesemua mangsa yang terlibat di Kampung Telekung itu ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Telekung.

Katanya, mereka terdiri daripada 12 lelaki, 15 wanita dan tujuh kanak-kanak.